

# PROSES MENGOSONGKAN BILIK DAN MENGAMBIL BARANG DALAM STOR



## PERMOHONAN



- ✓ Pelajar membuat permohonan melalui UTMSMART bermula 5 Oktober 2021.



## PANDUAN PERMOHONAN

- ✓ Semua pelajar yang masih mempunyai barang dalam bilik dan memegang kunci hendaklah mengosongkan bilik serta memulangkan kunci **sebelum 15 November 2021**.
- ✓ Pelajar boleh mewakilkan rakan/ahli keluarga terdekat untuk mengosongkan bilik/mengambil barang dalam stor dengan mengisi borang perwakilan yang boleh didapati di laman sesawang <https://www.utm.my/hospitality/> dengan menghantar email kepada pihak kolej kediaman.
- ✓ Pelajar serta ibu bapa/pengiring pelajar telah mendapat suntikan dos lengkap vaksin dan melepassi tempoh keberkesanan serta risiko rendah yang direkodkan di aplikasi MySejahtera masing-masing sahaja dibenarkan memasuki kampus.



## KELULUSAN

- ✓ Pelajar dapat kelulusan melalui UTMSMART dan Surat Kelulusan di ACAD MyUTM@Pelajar.
- ✓ Kelulusan permohonan akan diberikan dalam tempoh satu ke tiga hari bekerja.



## PENGOSONGAN BILIK/PENGAMBILAN BARANG DALAM STOR

- ✓ Pelajar perlu hadir dan membuat pengesahan kepada pihak kolej kediaman masing-masing mengikut tarikh dan waktu yang ditetapkan.
- ✓ Pelajar perlu mematuhi masa dan tarikh kelulusan yang diberikan.
- ✓ Pelajar tidak dibenarkan berada di lokasi lain, berjumpa, melawat atau pergi ke bilik pelajar lain yang menginap di kolej kediaman.
- ✓ Setelah selesai, pelajar perlu mengisi "Borang Perakuan Mengosongkan Bilik" dan memulangkan kunci di pejabat kolej kediaman.
- ✓ Bagi pelajar yang mengambil barang di stor perlu terus keluar dari kampus setelah selesai urusan tersebut.



## PENTING

- ✓ Sekiranya pelajar gagal untuk mengosongkan bilik selepas 15 November 2021, caj penginapan mengikut jenis bilik akan dikenakan bermula dari 16 November 2021.